

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	7 June 2015

Pulihkan hubungan Najib dan Dr. Mahathir

Wanita UMNO gesa TPM campur tangan

um-7/6/2015

Oleh **NORAZRIN MARZUKI**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 6 JUN

PERGERAKAN Wanita UMNO berharap kemelut antara Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tun Dr. Mahathir Mohamad dapat diselesaikan segera menerusi perbincangan empat mata kedua-dua pemimpin tersebut kerana bimbang akan memberi kesan terhadap parti dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) akan datang.

Sehubungan itu, Ketuaanya, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil menggesa Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin memainkan peranan beliau sebagai Timbalan Presiden parti untuk membawa dua pemimpin tersebut dalam perbincangan yang dilakukan secara tertutup dan bukannya menerusi debat terbuka seperti yang

didesak beberapa pihak ketika ini. "Saya percaya dengan kredibiliti Muhyiddin untuk menjadi 'orang tengah' mendamaikan semula hubungan antara Najib dan Mahathir, malah saya turut meminta semua ahli UMNO yang sentiasa berdampingan dengan kedua-dua pemimpin itu turut sama memulihkan keadaan bukannya melagakan mereka.

"Kemelut ini perlu segera diselesaikan sebelum negara menghampiri PRU-14 nanti. Jika tidak, ramai pihak yang akan mengambil kesempatan atas apa yang sedang berlaku ketika ini.

"Kami amat mengharapkan hubungan baik mereka kerana UMNO adalah parti untuk semua sama ada pemimpin sekarang atau yang telah bersara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Hari Ibu dan Bapa 2015 anjuran Koperasi Angkatan Wanita

Bersatu di sini hari ini.

Yang turut hadir pada majlis itu, Ketua UMNO Bahagian Cheras, Datuk Seri Syed Ali Alhabshee dan Pengerusi Koperasi Angkatan Wanita Bersatu Kuala Lumpur Berhad (KOOPNITA), Datuk Zurainah Musa.

Sebelum itu, dalam ucapannya, Shahrizat turut mengandaikan kemelut politik ketika ini dengan peribahasa 'biduk berlalu, kiambang bertaut' yang bermaksud sekuat mana percanggahan yang berlaku di dalam parti, pasti mampu dipulihkan semula berdasarkan hubungan erat dalam kalangan ahli UMNO.

Mengulas mengenai program dialog oleh SukaGuam yang menimbulkan kekecohan semalam, beliau tidak bersetuju dengan pengajuran majlis itu yang diadakan secara terbuka dan boleh mengancam keselamatan Perdana Menteri dan bekas Perdana Menteri itu.